

08 OCT 2002

Parlimen-Gulung (Wanita)

SHAHRIZAT YAKIN CUTI KEBAPAAN UNTUK SUAMI AKAN DITAMBAH

KUALA LUMPUR, 8 Okt (Bernama) -- Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata beliau yakin kerajaan akan menambahkan lagi hari cuti kebapaan untuk membolehkan suami membantu isteri masing-masing setelah melahirkan anak.

"Saya percaya pada masa akan datang tempoh tujuh hari itu akan dapat dinaikkan lagi," katanya ketika menggulung perbincangan Bajet 2003 bagi kementerian itu pada persidangan Dewan Rakyat hari ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2003 pada 20 Sept lepas mengumumkan tambahan cuti kebapaan daripada tiga kepada tujuh hari selaras dengan hasrat kempen "Semakin Hari Semakin Sayang".

Shahrizat berkata kejayaan mendapatkan tambahan cuti kebapaan itu adalah hasil perjuangan kementerian berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, kementerian menerima maklumat balas daripada kalangan isteri yang berpendapat cuti yang terlalu lama kepada suami akan menjadi pembaziran sekiranya mereka tidak membantu isteri menjaga anak yang baru dilahirkan.

"Ada yang kata bapa lebih leceh jaga anak, lepas seminggu elok suami balik ke tempat kerja," katanya.

Datuk Mohamad Aziz (BN-Sri Gading) ketika mencelah ucapan penggulangan Shahrizat itu berkata lebih elok sekiranya kempen "Semakin Hari Semakin Sayang" itu diganti dengan kempen "Semakin Hari Semakin Geram" iaitu merujuk kepada hubungan kekeluargaan yang lebih rapat.

Menyentuh isu cadangan penubuhan persatuan isteri-isteri berpoligami yang terdiri daripada isteri kedua, ketiga dan keempat, Shahrizat berkata lebih elok ditubuhkan kelab "Utamakan Keluarga: Semakin Hari Semakin Sayang."

"Dengan mewujudkan persatuan seumpama itu bukanlah cara terbaik untuk selesaikan konflik keluarga," katanya.

Beliau berkata sekiranya terdapat persatuan itu bagaimana pula dengan nasib isteri pertama yang mendakwa dianiaya.

Mengenai isu ibu tunggal pula, Shahrizat berkata cadangan Datin Paduka Seripah Noli Syed Hussin (BN-Sepang) supaya kerajaan menubuhkan koperasi ibu tunggal telah diambil perhatian untuk dikaji.

Mengenai cadangan supaya kerajaan memberi khidmat kaunseling dan motivasi, Shahrizat berkata kementerian sememangnya sudah bersedia untuk memberi khidmat itu di Unit Kaunseling, Jabatan Pembangunan Wanita dan di Pusat Khidmat Wanita di setiap negeri.

Beliau berkata kementerian itu juga menyambut baik cadangan supaya ibu tunggal daripada golongan profesional dapat membantu mereka yang kurang bernasib baik.

Kementerian itu menggalakkan ibu tunggal menubuhkan Kumpulan Sebaya untuk membantu sesama mereka, katanya.

-- BERNAMA

RZS NN HS NMO